

28/03/2002

Seleweng wang: BPR siasat Annuar

Kadir Dikoh; Norfatimah Ahmad; Manzaidi Mohd Amin  
KUALA LUMPUR, Rabu - Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyoal siasat bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berhubung kes penyelewengan wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM36.5 juta, baru-baru ini.

Hari ini Annuar turut menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya. Menjelang tengah hari tadi, khabar angin tersebar luas bahawa Annuar menghadapi siasatan pihak BPR.

Bagaimanapun, Annuar yang ditemui Berita Harian selepas pertemuan itu enggan mengulas sama ada ia berkaitan kes itu atau sebaliknya.

Difahamkan, BPR juga mengambil beberapa dokumen yang mempunyai kaitan dengan kes berkenaan dari kediaman Annuar di Bukit Damansara, dekat sini.

Keterangan Annuar itu direkodkan dalam beberapa pertemuan dengan pegawai BPR untuk membantu siasatan kes penyelewengan membabitkan beberapa projek ikan hiasan dan penanaman orkid di Kelantan dan Terengganu yang didedahkan, tahun lalu.

Sebelum ini, polis sudah mengambil keterangan daripada Annuar berhubung kes yang sama.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Zulkipli Mat Noor ketika dihubungi petang ini enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu. Bagaimanapun, beliau tidak menafikan apabila ditanya mengenai tindakan BPR menyoal siasat Annuar.

"Yang pasti siasatan berhubung kes berkenaan sedang dijalankan," katanya.

Sementara itu, Annuar dilihat memasuki pekarangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) kira-kira jam 4.30 petang dan keluar lebih dua jam kemudian.

Ketika ditemui Berita Harian di luar pintu masuk utama JPM petang ini, Annuar bagaimanapun berkata beliau tidak tahu menahu mengenai khabar angin yang tersebar berkisar kepada dirinya.

"Itu urusan you lah," katanya ketika diajukan soal dari dalam kereta sebaik keluar dari pekarangan JPM pada kira-kira jam 6.45 petang ini.

Ditanya apakah tujuannya menemui Dr Mahathir, beliau berkata ia cuma berkisar kepada Umno.

"Pasal kerja Umno saja," katanya sambil menunjukkan surat mengenai penubuhan Persatuan Persahabatan Malaysia-Indonesia yang menurut beliau, perkara itu dipersetujui Perdana Menteri.

Annuar, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menarik perhatian baru-baru ini apabila isu berkaitan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) timbul. Beliau adalah juga Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan Kelantan (YKK).

Pada Disember tahun lalu, seorang ahli perniagaan Cina berusia 43 tahun ditahan di Pulau Pinang berhubung penyelewengan wang PPRT pada Disember tahun lalu.

Berikutan itu, empat orang lagi iaitu bekas Ketua Pengarah Risda, Datuk Nik Kamaruddin Nik Abdul Kadir; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Mohd Arif Abu Bakar; bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abdul Aziz Mohamad dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Datuk Alwi @ Alwi Said turut ditahan bagi membantu siasatan.

Bagaimanapun, sebaik tempoh tahanan reman tamat, semua mereka terbabit dibebaskan dengan jaminan polis.

Ketika ditahan, Nik Kamaruddin dan Mohd Arif disiasat berhubung pelaburan membabitkan RM24.5 juta, iaitu usaha sama projek penternakan

ikan hiasan dan penanaman orkid antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Risda dan sebuah syarikat swasta di Bukit Sireh, Kuala Krai, Kelantan.

Dr Abdul Aziz dan Alwi pula disiasat berhubung projek penanaman orkid dan ikan hiasan di Bukit Besi, Dungun membabitkan pelaburan sebanyak RM12 juta antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebuah syarikat swasta.

(END)